

Cabaran membiayai pendidikan tinggi

Oleh SITI ALIDA JOHN ABDULLAH

RMK-9

PENDIDIKAN merupakan satu pelaburan jangka panjang dalam pembangunan modal insan. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan peruntukan sejumlah RM50.6 bilion untuk pendidikan dan latihan.

Walaupun pendidikan tinggi memberikan nilai tambah yang tinggi kepada kemakmuran negara dan salah satu kayu ukur kemajuan negara, semua pihak perlu sedar bahawa pembiayaan di peringkat tertinggi tidak lagi dapat ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Beban yang berat ke atas bajet kerajaan menyebabkan negara-negara maju sekalipun seperti Amerika Syarikat (AS), United Kingdom, Kanada dan Belanda mengamalkan dasar mengurangkan pemberian geran dan biasiswa pendidikan tinggi dan menggantikannya dengan program pinjaman pelajar.

Program pinjaman pelajar dikatakan dapat memberi faedah yang lebih besar berbanding pemberian geran atau biasiswa secara menyeluruh. Lebih ramai pelajar yang memerlukan bantuan kewangan akan berpeluang melanjutkan pengajian tinggi. Ia juga dianggap adil kerana para pelajar sendiri merupakan kumpulan yang menerima faedah langsung terbesar daripada pendidikan. Ia dianggap sebagai pelaburan untuk menikmati masa depan yang lebih tinggi dalam hidup pada masa hadapan.

Justeru semenjak 1990-an, bantuan kewangan kerajaan kepada pelajar institusi pengajian tinggi telah semakin berubah daripada program biasiswa kepada program pinjaman. Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah dimulakan sejak tahun 1997 untuk menyalurkan pinjaman kepada semua pelajar yang layak mengikuti pendidikan tinggi di negara ini.

Perubahan ini dirasakan perlu disebabkan permintaan untuk memasuki institusi pengajian tinggi meningkat dengan begitu ketara dan kerajaan ingin memastikan bahawa semua orang yang layak dapat berpeluang melanjutkan pendidikan. Dalam jangka sederhana, pembayaran balik pinjaman dapat menyediakan dana untuk terus membiayai pelajar lain.

Dua isu perlu diketengahkan. Pertama, kos pendidikan tinggi semakin meningkat. Kedua, dana untuk membiayai semakin ramai pelajar tidak semestinya sentiasa

mudah diperolehi.

Dari segi kos pendidikan, kajian-kajian yang dijalankan di luar negara mendapati bahawa para pelajar menanggung beban kewangan yang berat kerana sumber pembiayaan melalui pinjaman pelajar didapati tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan kos pendidikan tinggi mereka.

Ketidakupayaan pelajar untuk mendapatkan sumber pembiayaan yang mencukupi akan menyebabkan tumpuan belajar mereka terjejas. Lebih teruk lagi, ia menyebabkan pelajar yang berkelayakan tidak mampu meneruskan pengajian.

Untuk menghadapi keadaan ini, pelajar akan berusaha mendapatkan sumber kewangan tambahan untuk menanggung perbelanjaan yang semakin meningkat yang diperlukan selama menuntut di institusi pengajian tinggi.

Penulis telah menjalankan kajian mengenai sumber pembiayaan dan perbelanjaan pelajar di beberapa buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia pada tahun 2004. Daripada 1,200 responden, hanya 16 peratus mengaku bahawa mereka menerima satu sumber pembiayaan sahaja iaitu daripada PTPTN. Selebihnya menerima sumber-sumber tambahan seperti pemberian ibu bapa dan keluarga, pendapatan daripada pekerjaan sampingan, penggunaan wang simpanan, pinjaman daripada keluarga dan rakan-rakan, zakat, dan lain-lain.

Lebih 27 peratus pelajar mengaku pernah atau sedang bekerja sambil semasa semester atau semasa cuti untuk mendapatkan wang tambahan, menimba pengalaman dan mengisi masa lapang. Fenomena pelajar bekerja semasa melanjutkan pengajian akan semakin meningkat dengan peningkatan kos dan wujudnya keinginan pihak pelajar untuk meningkatkan keupayaan berbelanja mengikut kehendak mereka.

Bukan semua pelajar daripada semua kursus yang ditawarkan memerlukan bantuan tambahan. Dengan bijak merancang bajet dan mengawal perbelanjaan, ada yang mampu menghadapi kehidupan sebagai siswa atau siswi dengan jayanya.

Penulis belum menemui kes pelajar

UUM-13/4/2006
Kajian yang dijalankan oleh penulis di negara ini menunjukkan pelajar masih menganggap pinjaman untuk melanjutkan pengajian merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan dan semua perbelanjaan mereka tidak mempunyai kaitan dengan sikap yang toleran terhadap hutang

menanggung beban hutang yang serius seperti yang dihadapi oleh rakan-rakan mereka di negara-negara maju. Namun begitu, pelajar yang mengikuti kursus-kursus tertentu dan memerlukan pelajar menyediakan pelbagai keperluan dalam bentuk kerja kursus atau amali di luar kampus, membeli peralatan-peralatan yang mahal, mengikuti latihan profesional dan mendapatkan lesen kemahiran tertentu menyebabkan mereka memerlukan pendapatan tambahan.

Pelajar yang melanjutkan pengajian melebihi tempoh pengajian biasa dan tidak mendapat pinjaman PTPTN, sememangnya mengakui mereka menanggung beban kewangan dan mengalami tekanan.

Pada masa yang sama, terdapat juga bukti di negara-negara Barat yang menunjukkan bahawa walaupun beban kewangan dan hutang pelajar semakin meningkat, pelajar mengamalkan corak perbelanjaan yang berlebihan.

Kemudahan mendapat pinjaman dan kredit dikatakan telah mencipta masalah moral kerana para pelajar tidak bertindak secara bertanggungjawab. Pada masa yang sama, perubahan sikap di kalangan muda-mudi terhadap wang dan hutang menyebabkan mereka mengamalkan corak penggunaan di luar kemampuan.

Hutang dianggap sebagai satu cara hidup pengguna dalam masyarakat moden dan pembelian barang-barang untuk tujuan menunjuk-nunjuk telah semakin mempengaruhi golongan muda.

Bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh penulis di negara ini menunjukkan pelajar masih menganggap pinjaman untuk melanjutkan pengajian merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan dan semua perbelanjaan mereka tidak mempunyai kaitan dengan sikap yang toleran terhadap hutang.

Kajian yang dijalankan belum dapat membuktikan bahawa mereka membuat perbelanjaan untuk tujuan menunjuk-nunjuk. Namun begitu, perbelanjaan-perbelanjaan untuk pembelian komputer peribadi dan telefon bimbit dianggap sebagai keperluan

sebagai pelajar. Misalnya, walaupun 90 peratus berbelanja kurang daripada RM700 untuk membeli telefon bimbit, masih ada yang membelanjakan melebihi RM1,000 untuk tujuan tersebut.

Dari segi peruntukan dana pinjaman, sehingga tahun 2005 sebanyak RM13 bilion telah diperuntukkan oleh PTPTN untuk memberi pinjaman kepada 1.06 juta pelajar di institusi pengajian awam dan swasta. Keperluan dana yang begitu banyak untuk membiayai program ini menyebabkan PTPTN perlu berhutang daripada institusi-institusi tertentu.

Disebabkan kekangan sumber ini, pelajar dan ibu bapa mereka tidak boleh terus mengharap mudah untuk mendapatkan sumber pembiayaan ini di masa hadapan apalagi untuk ditambah jumlah pinjaman kepada pelajar.

Di AS, fenomena tidak membayar balik hutang pinjaman menimbulkan perdebatan di kalangan pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam hubungan ini, pelbagai saranan diberikan termasuk mempercepatkan pembayaran balik pinjaman, mengetatkan kriteria pemberian pinjaman dan mengurangkan jumlah pinjaman.

Para ibu bapa dan pelajar mula merasa bimbang dasar pinjaman pelajar sedia ada akan diubah sehingga menyebabkan mereka menanggung beban kewangan yang berat.

Kesimpulannya, para ibu bapa perlu memahami bahawa tanggungjawab membiayai pendidikan tinggi anak-anak mereka bukan sahaja terletak di pihak kerajaan. Di sebalik segala tuntutan hidup seharian keluarga, merancang dana pendidikan anak-anak tidak boleh diketepikan. Keperluan menampung semua atau sebahagian kos pendidikan tinggi anak-anak akan semakin meningkat apabila peluang melanjutkan pengajian semakin luas terbuka.

SITI ALIDA JOHN ABDULLAH ialah pensyarah Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang, Universiti Utara Malaysia.